



ELEMEN  
PEMASARAN  
PRODUK  
KASUT



ELEMEN  
PEMASARAN  
PRODUK  
KASUT

**FADILAH BINTI YURANI**  
**BADRUL HISHAM BIN SHAHARIN**



Editor

Muhammad Fazli bin Jasli

Editor Pengurusan

Fara Diba binti Badrul Hisham

Penulis

Fadilah binti Yurani

Badrul Hisham bin Shaharin

Pereka Kulit Buku dan Grafik

Suriawati binti Mohd Fadzil

Penerbit

Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital  
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti  
Kementerian Pendidikan Malaysia


Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti  
Cetakan Pertama 2018

© Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada buku ini yang boleh disiarkan semula dalam sebarang bentuk dan dengan apa cara sekalipun, termasuklah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya, tanpa mendapat izin bertulis daripada penerbit dan pemilik hak cipta.

Perpustakaan Negara Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
ELEMEN PEMASARAN PRODUK KASUT  
ISBN 978-967-0823-57-7



ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
<b>Pendahuluan</b>	1
<b>Apa itu penjenamaan</b>	2 - 4
<b>Apa itu logo</b>	5
• Ciri-ciri logo	6
• Jenis-jenis logo	7
• Logo jenama pengeluar produk kasut	8 - 9
<b>Apa itu pembungkusan</b>	10 - 12
• Fungsi pembungkusan	12
• Kriteria pembungkusan	13 - 14
• Pembungkusan produk kasut	15 - 32
• Merekabentuk pembungkusan kasut	33 - 35
<b>Apa itu pemasaran</b>	36 - 37
• Strategi pemasaran	38
<b>Apa itu Pengiklanan</b>	39
• Fungsi pengiklanan	40
• Ciri penting dalam pengiklanan	41
<b>Poster</b>	42
• Fungsi poster	43
• Ciri-ciri poster	44
• Poster produk kasut	45 - 52
• Merekabentuk poster produk kasut	53 - 57
<b>Index</b>	58
<b>Rujukan</b>	59



## Pendahuluan

Rekabentuk grafik merupakan proses yang menggunakan lukisan dan teknologi untuk menyampaikan idea-idea. Tujuannya adalah untuk menyampaikan mesej dari pelbagai aspek.

Proses rekaan bermula dari peringkat kajian atau pengumpulan data, lakaran idea, proses rekaan digital dan juga percetakan atau penerbitan. Proses rekaan kebiasaannya menggabungkan unsur kesenian dan juga teknologi dalam penghasilan visual yang mampu berkomunikasi dalam menyampaikan sesuatu mesej.

Penjenamaan, penghasilan logo, pembungkusan, penghasilan poster dan juga pengiklanan merupakan sebahagian dari elemen rekabentuk grafik. Buku ini membincangkan beberapa elemen grafik yang digunakan bagi tujuan pemasaran produk kasut. Contoh-contoh yang diketengahkan dalam buku ini juga lebih berfokus kepada produk kasut.

# PENJENAMAAN & LOGO



## APA ITU PENJENAMAAN

### Pengenalan

**Jenama** ialah idea sesuatu produk atau servis yang membawa nama, logo, tagline dan slogan sesebuah syarikat yang memiliki idea tersebut. Penjenamaan juga bukanlah produk dan bukan sekadar logo. Ia merupakan 'proses' yang terlibat dalam mencipta nama yang unik dan imej untuk produk dalam minda pengguna, terutamanya melalui kempen pengiklanan dengan tema yang konsisten.

Penjenamaan produk merupakan aspek yang sangat penting dalam strategi perniagaan samada perniagaan kecil-kecilan mahupun perniagaan besar. Penjenama melambangkan sifat produk, perkhidmatan atau seluruh syarikat. Ia juga sebagai janji kepada pelanggan. Ini membuatkan pelanggan tahu apa yang mereka bakal dapat dari produk atau perkhidmatan yang ditawarkan.


Penjenamaan dan pemasaran perlu menggunakan alat-alat komunikasi untuk mewujudkan persepsi dan nilai di dalam minda pelanggan yang menjadi sasaran. Nama Syarikat, logo, Rekabentuk Web site, pengiklanan merupakan sebahagian dari proses penjenamaan.

Senarai beberapa syarikat dan pengusaha terkenal yang mengeluarkan produk kasut



JIMMY CHOO

3



**medshoe**  
MEDICAL HEALTH FOOTWEAR  
HEALTH COMFORT STYLE

4

**crocs**<sup>TM</sup>  
COME AS YOU ARE<sup>TM</sup>

5

BONIA

6

**thegeroboc**  
KUALA LUMPUR

7



## APA ITU LOGO

### Pengenalan

**LOGO** adalah rekabentuk grafik simbol atau pengenalan sesebuah syarikat atau organisasi. Idea menghasilkan logo lazimnya berdasarkan benda-benda pada alam sekitar seperti flora dan fauna, huruf, angka, rupa bentuk geometri dan sebagainya.



**CIRI-CIRI LOGO**



## JENIS-JENIS LOGO



### LOGO HURUF

- \* Menggunakan muka taip pelbagai imej
- \* Terdiri daripada olahan huruf sahaja. Boleh melebihi satu huruf



### LOGO SIMBOL

- \* Logo yang menggunakan simbol imej atau rupa yang mudah
- \* Simbol yang boleh menerangkan fungsi sesebuah syarikat
- \* Dapat menyampaikan mesej yang jelas tanpa mengira bahasa dan bangsa



### LOGO REPRESENTASI

- \* Logo jenis ini berdasarkan rupa objek alam sekeliling
- \* Bentuk asal gambar objek dipermudahkan melalui olahan garisan, rupa serta warna.

## LOGO JENAMA PENGELUAR PRODUK KASUT

### LOGO HURUF



11



12

LOEWE

13



14

*Bata*

15

*Chiappetta*  
SHOES

16

**CROCS**<sup>™</sup>  
COME AS YOU ARE<sup>™</sup>

17

*Clarks*<sup>®</sup>

18

INVISIBLE  
*Shoes*

19

**Shoes**  
**& Sox**  
KIDS SHOES

20

LOGO SIMBOL




9





# PEMBUNGKUSAN



## APA ITU PEMBUNGKUSAN (*PACKAGING*)

### Pengenalan

Pembungkusan produk mulai mendapat perhatian ramai apabila manusia memerlukan hak milik terhadap barangan, terutamanya bagi produk makanan yang memerlukan satu alat yang mampu menampung serta melindungi isi kandungan supaya ianya tahan lama. Sejalan dengan perkembangan teknologi dan citarasa manusia, pembungkusan kini dilihat berperanan sebagai agen pemujukan yang digunakan oleh pihak pengeluar bagi menarik pengguna membeli produk jenama keluaran mereka.

Pembungkusan ialah seni dan teknologi untuk melindungi dan memelihara kualiti sesuatu barangan semasa dihantar, disimpan atau dipamerkan. Pembungkusan berperanan sebagai penghubung antara pihak pengeluar produk (yang memasarkan produk) dengan pengguna (yang membeli produk).

Konsep pembungkusan telah wujud sejak zaman manusia mula berniaga. Ia dimulakan secara tradisional yang terdiri daripada bahan-bahan alam seperti daun kelapa dan daun palas digunakan untuk membungkus ketupat dan daun pisang digunakan untuk membungkus nasi lemak. Batang buluh juga digunakan untuk menyimpan air.

Antara bahan yang digunakan dalam pembungkusan seperti kertas, plastik, kotak, kayu, logam dan sebagainya.

Pada tahun 104 sebelum Masihi, Cai Lun dari negeri China telah merekacipta kertas dari daun malberi. Kertas merupakan pembungkus

buatan manusia yang pertama digunakan untuk membungkus makanan. Teknik pembuatan kertas ini kemudiannya dibawa ke negara-negara lain untuk diperhalusi dan dikomersialkan. Seterusnya pembungkusan telah menjadi satu bidang perdagangan yang penting di Eropah pada sekitar 1970- an.

Rekabentuk pembungkusan berfungsi sebagai jurujual produk melalui rekabentuk fizikal bentuk pembungkusan serta reka letak, elemen warna, tipografi dan imej yang menarik. Ianya bergantung kepada jenis barangan dan ketahanannya yang direka oleh pereka grafik bagi tujuan mempengaruhi citarasa pengguna.

#### Fungsi-fungsi pembungkusan

Rekabentuk pembungkusan berfungsi sebagai jurujual produk melalui rekabentuk fizikal bentuk pembungkusan serta reka letak elemen warna, tipografi dan imej menarik bergantung kepada jenis barangan dan ketahanannya yang direka oleh pereka grafik bagi tujuan mempengaruhi citarasa pengguna.

Melindungi barangan dari segi fizikal

1. Menjamin kualiti barangan
2. Memudahkan kerja penghantaran, penyimpanan dan pameran barangan
3. Menyampaikan barangan maklumat kepada pengguna
4. Mengiklankan maklumat dan mempromosikan barangan

## Kriteria Pembungkusan

### 1. Warna

Pilihan warna yang sesuai dapat menentukan identiti sesuatu barangan yang dapat menarik perhatian pengguna.

### 2. Ilustrasi

Ilustrasi perlu bersesuaian dengan kandungan dan dipersembahkan dengan sempurna dari segi asas dan prinsip rekabentuk.

### 3. Muka Taip ( tipografi)

Muka taip untuk jenama atau penerangan haruslah mudah, jelas dan menarik. Ia perlu disesuaikan dengan barangan dalam bungkusan.

### 4. Penerangan

Butir-butir bahan, berat bersih, cara penggunaan, tarikh buatan, tarikh luput dan sebagainya perlu dinyatakan.

### 5. Logo syarikat nama dan alamat

Butir-butir penerangan pengimport, pembuat, pengedar perlu dinyatakan.

### 6. Bentuk bungkusan

Bentuk pembungkusan haruslah unik, menarik, berfungsi dan mudah dibawa dan dibuka.

## 7. Reka letak

Reka letak untuk menghias dan memberi maklumat bungkusan bergantung kepada cara lipatan kotak, bentuk bungkusan atau kotak yang diperlukan. Reka letak perlu sesuai, kemas dan jelas susunannya supaya bungkusan kelihatan menarik.

## 8. Kemasan dan persembahan

Bahan yang digunakan sesuai dan kukuh. Ukuran dan cantuman perlu tepat dan kemas. Hiasan juga perlu menarik dan sesuai dengan fungsinya.




## Pembungkusan bagi produk kasut

### PUMA- Clever Little Box




*Pereka : Yves Behar*

# Futbox



*Pereka : Sencer Ozdemir & B. Mehlika Caliskan*

# Gravis Shoe Box



*Pereka : Jodi Wegner*

## Adidas Memorabilia





*Pereka : Nicholas Wilson*



# Rapha's Grand Tour Shoes




## African Colors



*Pereka: Caroline Slåttland Solheim*

# One Percent



*Pereka : Ryan Roman*

Concepts x Nike SB Dunk Blue Lobster



*Pereka : Creative Pilot*



*Pereka : Society27. Germany*

# Nine West



*Pereka : Anastasia Design*

Moo/ Packaging/Bag



*Pereka : Yandi Yandi*



# American Apparel Sustainable Pack



*Pereka: Jiajie (Roger) Wang*



*Gambar hiasan*

## Ecological display for All Star Converse





*Pereka: Davi dos Santos*



## Walkers Packaging




*Pereka : Javier Torres Gonzales*



*KulitKraf*

## CONTOH MEREKABENTUK PEMBUNGKUSAN PRODUK KASUT


### Langkah 1



Menghasilkan lukisan hamparan (*layout*) bagi rekabentuk pembungkusan kotak kasut bagi kedua-dua bahagian iaitu bahagian kotak dan penutup. Ukuran saiz hamparan (*layout*) yang dihasilkan perlu bersesuaian dengan saiz dan ukuran produk atau kasut yang akan disimpan.




## Langkah 2



Buat lakaran garisan putus-putus pada hamparan (*layout*) rekabentuk pembungkusan pada bahagian yang perlu dilipat bagi membentuk kotak pembungkusan yang dikehendaki.

### Langkah 3



Hasilkan lakaran dan warnakan latarbelakang, rekacorak , serta logo pada hamparan (*layout*) kotak pembungkusan menggunakan medium yang bersesuaian.

- **PEMASARAN**
- **PENGIKLAMAN**
- **POSTER**

## APA ITU PEMASARAN PRODUK

### PENGENALAN

Pemasaran merupakan ialah fungsi sosial dan pentadbiran yang bertujuan untuk mencipta, mengembangkan dan mengekalkan pelanggan dalam suatu aktiviti ekonomi atau pertukaran barang serta perkhidmatan.

Pemasaran juga boleh diertikan sebagai proses komunikasi nilai sesuatu barang atau perkhidmatan kepada pengguna. Pemasaran juga boleh ditafsirkan sebagai seni menjual produk atau pengiklanan.

Menurut Philip Kotler, pemasaran merupakan aktiviti manusia dalam memenuhi keperluan dan kehendak mereka melalui proses pertukaran. Bukan hanya berkisar tentang jualan, tetapi ia juga melibatkan urusan-urusan sebelum jualan seperti kajian, pembangunan produk, kualiti produk, perletakan harga, pengagihan produk pembungkusan dan urusan selepas jualan.

## STRATEGI PEMASARAN

Pemasaran produk adalah salah satu perkara penting yang boleh menentukan kejayaan perniagaan. Strategi pemasaran produk adalah suatu kegiatan yang harus dilakukan untuk memperkenalkan produk secara lebih meluas. Ilustrasi di bawah ini merupakan beberapa strategi pemasaran terbaik yang boleh dilakukan untuk meningkatkan penjualan produk .



## APA ITU PENGIKLANAN?

### PENGENALAN

Pengiklanan adalah taktik pemasaran yang melibatkan membayar ruang untuk mempromosikan produk atau perkhidmatan . Mesej promosi sebenar dipanggil sebagai iklan atau iklan pendek. Matlamat pengiklanan adalah untuk mencapai orang yang paling mungkin bersedia untuk membayar produk atau perkhidmatan syarikat dan menarik mereka untuk membeli.

Pengiklanan mula wujud di Tanah Melayu pada kurun ke 19. Jenis pengiklanan pada ketika itu kebanyakannya berbentuk poster , akhbar dan risalah.

## FUNGSI PENGIKLANAN

### 1 **Memberi pengenalan barangan pengeluaran**

Pengguna dapat mengenal keluaran yang ditawarkan dipasaran. Pengguna juga dapat membezakan membezakan jenama-jenama lain serta membuat perbandingan dan pemilihan barangan yang sesuai.

### 2 **Menyampaikan makluman barangan**

Pengguna dapat mengetahui lebih lanjut tentang maklumat pengeluaran dan ciri-cirinya

### 3 **Menggalakkan pengedaran sesuatu barangan**

Pembeli yang berpuas hati dengan sesuatu barangan keluaran akan membuat pesanan dari masa ke semasa

### 4 **Menambahkan penggunaan keluaran**

Penambahan bilangan pengguna seterusnya akan meningkatkan penggunaan atau permintaan sesuatu keluaran.

### 5 **Membina keutamaan dan kesetiaan jenama**

Kempen yang tetap dan konsisten dapat membina keutamaan dan kesetiaan jenama



## CIRI-CIRI PENTING DALAM PENGIKLANAN

- 1 **Tajuk** - Ringkas, tepat, jelas dan mampu menarik minat orang yang membaca teks iklan.
- 2 **Cogan kata** - Amat penting dan perlu menonjolkan kualiti serta keistimewaan barangan yang diiklankan. Mesej juga perlu tepat, ringkas dan berkesan.
- 3 **Ilustrasi** - Perlu menunjukkan imej yang sebenar barangan yang diiklankan. Gambar dan warna yang digunakan perlu mampu menarik perhatian.
- 4 **Teks Naskah** - Teks yang memberi penjelasan lanjut mengenai barang yang telah diperkenalkan dalam tajuk dan cogan kata.
- 5 **Logo** - Logo sangat penting kerana melambangkan syarikat atau pembuat barangan.
- 6 **Nama dan alamat syarikat pengeluar atau pengimport** - Sebagai pemberitahu tempat membeli atau untuk dihubungi.
- 7 **Warna** - Warna yang menarik dan bersesuaian dengan fungsi iklan mampu menjadikan iklan lebih dimanik.

## POSTER

### PENGENALAN

Poster ialah suatu bentuk rekaan grafik yang melibatkan tipografi, ilustrasi, warna dan reka letak yang digubah untuk menyampaikan maklumat secara mudah. Poster merupakan satu elemen dalam promosi, kempen dan sebagainya. Kebiasaannya, rekabentuk poster bersifat 2 dimensi (2D) meliputi bahan yang dilukis, ditulis, dicat, atau dicetak.

Poster selalunya digunakan bagi promosi untuk mempamerkan produk syarikat, aktiviti masyarakat, kempen oleh pihak kerajaan dan sebagainya. Ia biasa dilihat ditampal di tempat-tempat umum dan strategik seperti di sekolah, di pejabat, pasar raya dan sebagainya. Informasi yang ada pada poster secara umumnya bersifat mengingot dan menarik perhatian atau minat masyarakat.

## FUNGSI POSTER

### 1 Pengiklanan

Poster digunakan untuk mengiklankan barang dan perkhidmatan. Biasanya poster digunakan untuk mengiklankan produk-produk yang terdapat di pasaran. Perkhidmatan sesuatu syarikat juga diperkenalkan kepada orang ramai melalui poster. Sebagai contoh poster digunakan untuk mengiklankan produk makanan. Selain itu poster juga digunakan dalam akademik untuk menerangkan dan mempromosikan hasil kajian yang biasanya ditunjukkan semasa persidangan sebagai pengenalan awal.

### 2 Tujuan komersial

Poster digunakan untuk mempromosikan filem dan persembahan dalam dunia hiburan dan juga mempromosikan acara-acara yang dianjurkan seperti program berbentuk ilmiah, acara sukan dan sebagainya.

## CIRI-CIRI POSTER

- 1 Menggunakan bahasa yang mudah difahami
- 2 Mampu menarik minat dan perhatian masyarakat
- 3 Perkataan yang digunakan perlu efektif, ringkas, jelas dan mudah difahami.
- 4 Jenis *font* yang digunakan mudah dibaca dan saiz yang bersesuaian.
- 5 Kombinasi gambar, warna dan tulisan yang dipilih perlu bersesuaian.

## CONTOH POSTER PRODUK KASUT

AN EXCLUSIVE HIGHLIGHT BY

# PARKSON

Pavilion • KLCC • 1 Utama • Gurney Plaza • Nu Sentral • Bungal Wang Plaza • Satria City Mall • Subang Parade • Sunway Pyramid • Mahkota Parade • Ipoh Parade • 1Borneo, KK • Birang Megamall, Miri • The Spring, Kuching

MAD ABOUT SHOES #09/2014

## Mad About SHOES

23 MAY - 2 JUNE 2014

Participating brands:

amori BONIA bybliss CarloRino FIORUCCI GEOX GUESS LORAPPAER Lewre REBECCA SANVER Rims & Roy SEMBONIA ZANG TOI

Publisher: Parkson Corporation Sdn. Bhd., Level 5, Kiang Hwee, 211E, Jalan Man, 01000 Kang, Selangor.  
Printer: Percetakan Zaidara Sdn. Bhd., No. 16, Jalan BK 1/71, Bandar Kinross 1, 47180 Puchong, Selangor.

KDN PP 1713M/112010011215

and more in store...

Tajuk

Gambar/  
Ilustrasi

Nama &  
alamat  
syarikat

Logo

Footwear PARKSON promotion

Gambar/  
Ilustrasi

Isi teks



*Fossier Safety Footwears*

Cogan kata

Tajuk





Cogan kata

School Buddies

SPECIAL PROMOTION

1 PAIR RM 39

WITH ANY PURCHASE

Hush Puppies™

Logo

Tajuk

Isi Teks

Warna

Gambar/Ilustrasi

Tajuk

# SHOE SALE NOW ON!

Isi Teks

Lorem ipsum dolor sit amet, consectetur adipiscing elit  
labore et dolore magna aliqua. Ut enim ad minim veniam  
laboris nisi ut aliquip ex ea commodo consequat. Duis a  
voluptate velit esse cillum dolore eu fugiat.



Gambar/  
Ilustrasi



Download from  
**Dreamstime.com**

This watermarked comp. image is for previewing purposes only.

ID 45466790

© Iuliia Timchenko | Dreamstime.com

*Women shoes poster*

Tajuk

Logo

power. OFFICIAL SHOE OF THE OLYMPIC COUNCIL OF MALAYSIA

# Win

a Limited Edition **power.** shoes

**Enter by buying any Power shoes online**

Gambar/  
Ilustrasi

Isi Teks

## Prizes

1 pair of Limited Edition Power Shoes x 3 Winners

Terms & Conditions Apply  
Contest period : 17 August - 2 September 2018

**Official Shoe of The Malaysian Contingent to Asian Games 2018.**

BATA-Foto Garis Masa









## PROSES MEREKABENTUK POSTER BAGI PRODUK KASUT

### Langkah 1



Sediakan gambar produk kasut yang bersesuaian dan berkualiti. Edit tahap kecerahan serta kejelasan pada gambar bagi menonjolkan produk.


## Langkah 2



Masukkan latar berwarna pada bahagian bawah poster bagi memberi kesan yang kontra dengan gambar produk.




### Langkah 3



Lakar *stroke* atau rekaan yang besesuaian dengan konsep dan tema yang dikehendaki mengikut kesesuaian produk kasut.

#### Langkah 4



Tambah rekatelak pada bahagian hadapan poster dengan penggunaan warna yang cerah bagi menunjukkan penegasan.

## Langkah 5



Masukkan logo, cogan kata, tajuk, ilustrasi atau info yang menjelaskan tentang produk yang perlu dipromosikan.

# INDEX



<https://famfonts.com/adidas>  
11



adidas logo  
[www.famouslogos.net/shoe-logos](http://www.famouslogos.net/shoe-logos)  
21



adidas logo  
<https://goodlogo.com/extended.info/adidas-classic-logo-3103>  
8

BONIA

[www.trademarkia.com/bonia](http://www.trademarkia.com/bonia)  
6



[www.brandsoftheworld.com/logo/bata](http://www.brandsoftheworld.com/logo/bata)  
15



[www.crocs.com](http://www.crocs.com)  
5,17



[www.anika-schuh.de/clarks-shop/taschen](http://www.anika-schuh.de/clarks-shop/taschen)  
18



[www.anika-schuh.de/clarks-shop/taschen/](http://www.anika-schuh.de/clarks-shop/taschen/)  
16



[www.drshollsshoes.com](http://www.drshollsshoes.com)  
12



Dency Logo  
[www.famouslogos.net/shoe-logos-35-smart-shoe-company-logos](http://www.famouslogos.net/shoe-logos-35-smart-shoe-company-logos)  
24



[www.vectorise.net/logo/2011/04/18/fipper](http://www.vectorise.net/logo/2011/04/18/fipper)  
1



<https://pngtree.com/free-png-vectors>  
14



Fly Shoes Logo  
[www.famouslogos.net/shoe-logos-35-smart-shoe-company-logos](http://www.famouslogos.net/shoe-logos-35-smart-shoe-company-logos)  
28



Fashionara Logo  
[www.famouslogos.net/shoe-logos-35-smart-shoe-company-logos](http://www.famouslogos.net/shoe-logos-35-smart-shoe-company-logos)  
25

JIMMY CHOO

<https://fontmeme.com/jimmy-choo-font>  
3



Kulit karaf Sdn Bhd  
2

LOEWE

<http://www.stickpng.com/img/icons-logos-emojis/shop-logos/loewe-logo>  
13



<https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Li-Ning-logo.png>  
9



Medshoes HQ foto  
4



Modini logo  
[www.famouslogos.net/shoe-logos-35-smart-shoe-company-logos](http://www.famouslogos.net/shoe-logos-35-smart-shoe-company-logos)  
29



Nike Logo  
[www.famouslogos.net/shoe-logos-35-smart-shoe-company-logos](http://www.famouslogos.net/shoe-logos-35-smart-shoe-company-logos)  
10,22



New balance logo  
[www.famouslogos.net/shoe-logos-35-smart-shoe-company-logos](http://www.famouslogos.net/shoe-logos-35-smart-shoe-company-logos)  
23



[www.shoesandsox.com.au](http://www.shoesandsox.com.au)  
20



Shoesplash  
[www.famouslogos.net/shoe-logos-35-smart-shoe-company-logos](http://www.famouslogos.net/shoe-logos-35-smart-shoe-company-logos)  
26



Shoebilee logo  
[www.famouslogos.net/shoe-logos-35-smart-shoe-company-logos](http://www.famouslogos.net/shoe-logos-35-smart-shoe-company-logos)  
27



<https://m.facebook.com/pg/thegeroboc/posts>  
7



Inspired Shoes logo  
[www.famouslogos.net/shoe-logos-35-smart-shoe-company-logos](http://www.famouslogos.net/shoe-logos-35-smart-shoe-company-logos)  
30



<https://logopond.com/markmir/showcase/detail/115467>  
19

## Rujukan

Ed.Julius Wiedemann,2015. Logo Design, Jaschen: Bibliotheca Universalis

Kathleen Chee,2018. Pendidikan Seni Visual. Selangor: Penerbitan Pelangi Sdn Bhd.

Ani Rahwani,2017.Semua Tentang Branding yang Harus Anda Tahu. Diakses pada Nov 2017. <https://www.jurnal.id>

Leeroy.20 Creative & Inspiring ShoePackaging Design.Diakses daripada <https://www.leeroy.ca/en/collections/20-best-shoes-packaging-inspiration>

Miercoles. Empaques que seguro querrás tener. Diakses pada Oktober 2014 daripada <https://culturacolectiva.com>

Malaysia Promotion,2014.Pakson Mad about Soes Promotion.Diakses pada Mei 2014 daripada <https://www.msiapromo.com>

Muchlisin Riadi,2017.Pengertian, Tujuan , Unsur dan Jenis-jenis Branding.Kajian Pustaka, Diakses pada Jan 2017 daripada <https://www.kajianpustaka.com>

Syahira Md Desa, 2015. Pengenalan Kepada Pemasaran. Diakses pada Nov 2018 daripada <http://www.slideshare.net>

White Maqui. Creative Shoe Packaging Design.Diakses daripada <http://www.pinterest.com>

Zaidah Aziz, 2010. Pengenalan Kepada Pemasaran. Di akses pada 2010 daripada : [pemasaranlpuo.blogspot.com](http://pemasaranlpuo.blogspot.com)

<https://www.amazon.in/Fila-Shoes>

<http://www.fosser.com.my/index.php>

<https://harga.runtuh.com/2016/03/bata-malaysia>

<https://malaysiafreebies.com/hush-puppies-school-shoes-rm39-special-promo/>

<https://playzoa.com/innovative-women-shoes-poster-trend.html>



**BAHAGIAN INSTRUKSIONAL DAN PEMBELAJARAN DIGITAL  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
ARAS 4, GALERIA PJH, JALAN P4W, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62100 W.P. PUTRAJAYA**

ISBN 978-967-0823-57-7



9 789670 823577